

GARIS PANDUAN MENYERTAI PAMERAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI

1. TUJUAN

Garis panduan ini menerangkan permohonan penyertaan dan pengurusan pameran penyelidikan dan inovasi sama ada di peringkat kebangsaan mahupun peringkat antarabangsa oleh para penyelidik UPNM.

2. JENIS-JENIS PAMERAN

PPPI akan mengurus daripada segi permohonan penyertaan UPNM, kewangan, *booth* dan urusan dengan pihak penganjur dan kontraktor bagi pameran-pameran berikut dan pameran lain atas arahan atau persetujuan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi):

- i. Malaysia Technology Expo (MTE)
- ii. International Technology Expo (ITEX)
- iii. Pameran Rekacipta Institut Pengajian Tinggi Awam (PECIPTA)

3. TANGGUNGJAWAB DAN PERANAN

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI) bertanggungjawab sebagai urus setia pameran UPNM. Penyelidik yang ingin memohon menyertai pameran sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa perlu memohon melalui PPPI.

3.1 Sebelum Pameran

- i. PPPI bertanggungjawab dalam membuka atau menghebahkan pelawaan penyertaan kepada semua pensyarah/penyelidik UPNM.
- ii. Pensyarah/Penyelidik yang ingin menyertai pameran perlu terlebih dahulu memohon kepada PPPI.
- iii. Produk yang akan dipertandingkan hendaklah dibuat demonstrasi/penerangan oleh Penyelidik/Pensyarah kepada kumpulan penilai yang dibentuk. Kumpulan penilai akan menilai produk yang layak untuk menyertai pameran. Kumpulan penilai dengan sekurang-kurangnya dua (2) ahli akan dilantik oleh PPPI.
- iv. Penyelidik perlu mendaftar penyertaan produk dan memberi salinan borang penyertaan kepada PPPI.
- v. Tempahan serta sewaan tapak *booth* dan yuran pameran untuk pameran terpilih akan diuruskan oleh PPPI berdasarkan jumlah penyertaan.
- vi. PPPI akan melantik kontraktor *booth* pameran bagi *booth* reka bentuk khas mengikut prosedur perolehan UPNM.

- vii. Pensyarah/Penyelidik hendaklah menyediakan maklumat produk yang dipamerkan dalam bentuk direktori produk, poster atau brosur.
- viii. Produk pameran mestilah telah difailkan sebagai harta intelek. Mana-mana produk yang menyertai pameran tanpa difailkan harta intelek perlu mendaftarnya dalam masa enam (6) bulan daripada tarikh pameran.
- ix. Hasil penyelidikan yang berpotensi tinggi untuk dikomersialkan mungkin akan ditangguh untuk menyertai pameran sehingga langkah yang perlu diambil untuk melindungi harta intelek berkaitan.
- x. PPPI bertanggungjawab mengurus kewangan, logistik Pensyarah/Penyelidik dan urus setia pameran terpilih.
- xi. Pensyarah/Penyelidik dan urus setia hendaklah menyediakan senarai semak peralatan yang akan dibawa.
- xii. Pensyarah/Penyelidik dan PPPI perlu memastikan syarat pameran dipenuhi sebelum menyertai pameran.

3.2 Semasa Pameran

- i. Pensyarah/Penyelidik dan urus setia yang dilantik hendaklah membuat persiapan awal di tapak pameran sehari sebelum pameran.
- ii. Pensyarah/Penyelidik dan urus setia bertugas hendaklah bersedia di petak pameran (*booth*) sehingga penghakiman selesai.
- iii. Urus setia yang bertugas hendaklah berada di petak pameran (*booth*) sepanjang pameran diadakan bagi tujuan promosi dan layani pertanyaan daripada pelawat
- iv. Pensyarah/Penyelidik dan urus setia perlu mendapatkan maklumat keputusan pemenang. (jika berkaitan)
- v. Pensyarah/Penyelidik dan urus setia bertanggungjawab menerima pingat/sijil di majlis penganugerahan atau dapatkan pingat/sijil daripada pihak penganjur.
- vi. Pensyarah/Penyelidik dan urus setia bertanggungjawab membuat urusan tempahan pingat/sijil tambahan dengan pihak penganjur. Sebarang kos tambahan perlu ditanggung sendiri penyelidik dengan menggunakan peruntukan penyelidikan sedia ada atau dana lain penyelidik.
- vii. Pensyarah/Penyelidik dan urus setia bertanggungjawab menjaga barang-barang pameran semasa pameran dijalankan.

3.3 Selepas Pameran

- i. Pensyarah/Penyelidik dan urus setia hendaklah menyemak dan pastikan peralatan yang dibawa lengkap berdasarkan senarai semak peralatan yang disediakan.
- ii. PPPI hendaklah membuat salinan sijil sebelum diberikan kepada penyelidik.
- iii. PPPI hendaklah memasukkan maklumat pameran/anugerah yang diterima dalam data penyelidikan UPNM.
- iv. PPPI bertanggungjawab menyediakan artikel/berita kejayaan penyelidik, selewat-lewatnya tiga (3) hari selepas tamat pameran.
- v. Pensyarah/Penyelidik yang menyertai pameran tanpa diuruskan PPPI hendaklah melaporkan kejayaan pensyarah/penyelidik, selewat-lewatnya tiga (3) hari selepas tamat pameran kepada PPPI untuk tujuan rekod dan mengemas kini pangkalan data.
- vi. PPPI akan membuat hebahan di laman web UPNM atau PPPI berkaitan aktiviti pameran yang disertai.
- vii. Sebarang tuntutan kewangan berkaitan pameran akan diuruskan oleh PPPI menggunakan peruntukan penyelidikan Pensyarah/Penyelidik atau daripada sumber kewangan UPNM.

4.0 PAMERAN-PAMERAN LAIN

Bagi pameran-pameran yang lain, urusan permohonan penyertaan, *booth* dan urusan dengan pihak penganjur dan kontraktor bagi pameran tersebut adalah tanggungjawab Penyelidik itu sendiri. Permohonan pameran dan urusan kewangan adalah seperti pameran yang ditaja UPNM melainkan melalui arahan atau persetujuan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).

5.0 TATATERTIB DAN KELAKUAN

Penyelidik dan urus setia pameran mestilah menjaga kelakuan dan imej UPNM semasa pameran. Tatatertib dan kelakuan Penyelidik dan urus setia tertakluk kepada peraturan dan arahan yang ditetapkan oleh UPNM dari semasa ke semasa.

Rekod Kelulusan	
LPU	Bil 1/2016 – 26 Februari 2016
Senat	Bil 7/2015 – 24 November 2015
JPIU	Bil 3/2015 – 19 November 2015